

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 11 (A55)**

Pada Julai 2022 di dalam mesyuarat OSC MBIP, dimaklumkan bahawa Datuk Bandar MBIP telah mengarahkan satu kajian dibuat bagi memastikan bangunan blok 2 dan blok 3 Flat Taman Jaya selamat diduduki. Apakah status kajian tersebut?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Isu bagi Flat Taman Jaya ini agak kompleks dan kritikal kerana *Management Community (MC) / Joint Management Body (JMB)* bagi bangunan flat tersebut tidak pernah dan tidak dapat ditubuhkan disebabkan pemaju di taman tersebut telah tiada dan tidak lagi wujud. Sehubungan itu, tiada pihak pengurusan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan.

Berdasarkan laporan Jabatan Kejuruteraan MBIP, Blok 1, 2 dan Blok 3 Flat Taman Jaya masih selamat diduduki dan masih berpenghuni. Manakala, Blok 4 pula telah dikosongkan atas syor pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia melalui Laporan Forensik kerana tidak selamat untuk diduduki.

Pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) sedang dalam proses melantik perunding untuk menjalankan kajian keselamatan bagi bangunan blok 2 dan blok 3 di Flat Taman Jaya. Pelantikan perunding dijangka pada Januari 2023, dan laporan kajian juga dijangka akan dikeluarkan pada Mei 2023 atau selewatnya Jun 2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 12 (A35)**

Negeri Johor amat bertuah kerana dikelilingi 3 laut iaitu Laut China Selatan, Selat Melaka dan Selat Tebrau yang mempunyai potensi pantai pelancongan popular. Justeru apakah langkah kerajaan untuk membangun dan menaik taraf pantai-pantai ini supaya menjadi daya penarik pelancongan negeri?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Pelancongan pantai merupakan aktiviti yang lazimnya menjadi salah satu tumpuan para pelancong di kebanyakan negara yang mempunyai sumber tarikan ini. Di Johor pelancongan pantai juga tidak terkecuali daripada mendapat perhatian para pelancong khususnya bagi segmen pelancongan keluarga.

Antara pantai-pantai di negeri ini yang dikenalpasti menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara adalah seperti Pantai Desaru, Pantai Teluk Mahkota, Pantai Tanjung Balau, Pantai Tanjung Leman, Pantai Teluk Buih, Pantai Air Papan dan Pantai Penyabong.

Menyedari akan perkara ini, kerajaan negeri melalui pihak-pihak berkaitan khususnya Tourism Johor serta Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa mempertingkatkan usaha untuk memastikan pantai-pantai di negeri ini terus menjadi salah satu penyumbang kepada peningkatan jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah sebagaimana berikut :

- 1.1 Menaiktaraf kemudahan fizikal di kawasan pantai berkenaan.
- 1.2 Menambahbaik pengurusan destinasi pelancongan pantai.
- 1.3 Memperhebatkan kempen promosi pelancongan pantai negeri Johor khususnya melalui media sosial, *fam trip*, pameran pelancongan, penerbitan video pelancongan, percetakan risalah pelancongan dan sebagainya.
- 1.4 Menggalakkan penganjuran acara / festival pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong untuk datang, berbelanja dan bermalam di negeri ini.
- 1.5 Menganjurkan program seperti *beach cleanup* dan *Majestic Johor Clean* bagi menggalakkan para pelancong atau pengunjung untuk bersama-sama menjaga kebersihan serta keceriaan pantai.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 13 (A130)**

Dengan kemasukan pelaburan bernilai RM60.9 bilion ke negeri ini, apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan belia-belia dalam negeri ini mampu untuk menjadi tenaga mahir bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang bakal wujud terutama dalam sektor perkhidmatan dan industri berteknologi tinggi?

JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Bagi memastikan belia-belia dalam negeri Johor mampu menjadi tenaga kerja yang bakal wujud terutama dalam sector perkhidmatan dan industry berteknologi tinggi, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) adalah jabatan yang diberi tanggungjawab di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jabatan ini berfungsi pusat melatih tenaga mahir untuk pasaran industry tempatan. Jabatan ini juga berfungsi sebagai penyedia pusat untuk menjalankan latihan kemahiran pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sector perindustrian di Malaysia.

Institut latihan dibawah kelolaan JTM ini antaranya adalah Institut Latihan Perindustrian, ADTEC, JMTI telah dan akan sentiasa melahirkan tenaga mahir negara dari peringkat Sijil Kemahiran hingga ke Diploma Lanjutan Kemahiran dalam pelbagai bidang kursus kemahiran. Pusat-pusat latihan ini juga ditubuhkan kerana keperluan tenaga mahir di dalam negara yang sangat mendesak pada masa ini.

Sehingga Julai tahun ini, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah menerima seramai 9000 kemasukan pelajar baharu untuk program TVET sahaja. Kementerian Sumber Manusia juga dengan yakin boleh memberikan jaminan 90% kebolehpasaran dan kebolehkerjaan siswazah. Jabatan ini juga mempunyai sistem e-Tracer Study (Employability) Online System (eTOS) yang berfungsi untuk menjejak maklumat lepasan ILJTM dalam tempoh lima tahun. Graduan-graduan ini akan dihubungi dan status terkini mereka dikemaskini untuk mengetahui sama ada mereka sudah bekerja atau belum. Ini juga salah satu usaha dalam membantu graduan-graduan yang masih belum mendapat pekerjaan mengikut bidang industry mereka diberi tawaran oleh syarikat-syarikat di luar sana melalui ILJTM itu sendiri. (Sumber : Sinar Harian (Khas – Pendidikan TVET), 18 Julai 2022)

Bagi pekerjaan di sector perkhidmatan pula di negeri ini terdapat Kolej Kemahiran Johor. Kolej kemahiran Johor ini adalah sebuah institusi latihan di bawah Kerajaan Negeri Johor yang bertanggungjawab mengurustadbir pelaksanaan aktiviti latihan kemahiran untuk 4 buah Kolej Komuniti YPJ yang terletak di negeri Johor yang telah diberikan nama baru Kolej Kemahiran Johor. Kolej ini banyak menawarkan kursus-

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

kursus dalam bidang perkhidmatan contohnya hospitality dan pengurusan pentadbiran.

Jabatan ini juga percaya institusi-institusi yang disebutkan di atas ini mampu melahirkan tenaga-tenaga mahir untuk kebolehpasaran dan kebolehkerjaan untuk peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan di dalam negeri Johor. Kerajaan Negeri juga perlu yakinkan kepada para pelabur di dalam negeri Johor ini bahawa tenaga-tenaga mahir dikalangan belia ini juga setanding dengan tenaga mahir dari luar diperingkat antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor sedang giat merangka dan merancang pelbagai inisiatif berkaitan program latihan kemahiran dalam pelbagai bidang yang bakal dianjurkan pada tahun 2023.

Dengan izinnya saya berkongsi pada tahun 2022 sebanyak RM 5.2 juta telah diperuntukkan kepada Unit Strategik Modal Insan Johor bagi pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Johor (PRO-MAHIR). Daripada peruntukan yang diterima ini, seramai 1,304 orang peserta telah diberikan peluang latihan beserta penempatan pekerjaan sejurus tamat latihan dalam pelbagai sektor yang ditawarkan khususnya kepada rakyat Negeri Johor.

Antara program yang telah disediakan oleh pihak Unit Strategik Modal Insan Johor ialah Program Upskilling & Reskilling dimana ianya telah menasaskan seramai 569 orang peserta dengan penawaran sebanyak 23 kursus. Asas kepada program ini adalah memberikan penekanan terhadap pendidikan bertunjangkan kemahiran kepada golongan lepasan sekolah dan penganggur bagi memastikan kebolehpasaran dalam mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lebih kompetitif. Pensijilan yang ditawarkan adalah diiktiraf oleh badan pensijilan dalam dan luar negara berdasarkan kepada standard keperluan industri.

Pihak Unit Strategik Modal Insan Johor juga turut menawarkan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dengan menasaskan kepada 200 orang peserta yang telah bekerja atau mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja. Daripada program-program ini, matlamat pihak Unit Strategik Modal Insan Johor agar peserta-peserta ini dapat menggunakan Sijil Kemahiran Malaysia yang diperolehi untuk meningkatkan pendapatan diri sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Johor.

Unit Strategik Modal Insan Johor juga maklum dengan kemasukan pelaburan yang bernilai RM60.9 billion. Justeru itu, perancangan yang strategik bagi mengenal pasti sektor yang berkaitan dan keperluannya, akan dibuat terutamanya dalam menyusun

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

dan melaksanakan kursus berkemahiran melalui program PRO-MAHIR. Hal ini adalah untuk memastikan tenaga kerja berkemahiran dapat disediakan selaras dengan kehendak pasaran dan industri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 14 (A164)**

Mohon pihak kerajaan negeri memberi status mengenai pengurusan bagi kerja-kerja pembersihan rumput di tepi-tepi jalan kampung serta kerja-kerja membaikpulih jalan kampung memandangkan banyak jalan yang telah semak serta rosak pada hari ini disebabkan tiada selian mengenainya secara sistematik.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak KPLB Johor melalui Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) ada menyediakan peruntukan bagi membina, menaiktaraf dan membaiki jalan-jalan di kampung tradisional.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak melibatkan kerja-kerja lanskap. Pelaksanaan Projek JPD di kampung-kampung bergantung terhadap jumlah permohonan yang diterima. Pihak KPLB Johor sentiasa terbuka untuk menerima sebarang permohonan berkaitan perkara ini dari orang awam dan agensi kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 15 (A151)**

Nyatakan perancangan yang diambil kerajaan negeri bagi membantu membangun infrastruktur asas dikawasan tapak perumahan generasi ke-2 FELDA.

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor secara bersama telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM60 juta semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor 2022 dengan pecahan tanggungan seperti berikut;

1. RM30 juta - Kerajaan Negeri
2. RM15 juta - Kerajaan Pusat
3. RM15 juta - FELDA.

Walau bagaimanapun, keputusan mengenai peruntukan tersebut masih sedang dalam perbincangan. Pihak FELDA telah meluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta sebagai inisiatif membantu menyediakan infrastruktur asas kepada kawasan Lot Generasi yang memenuhi syarat peruntukan. Syarat permohonan peruntukan adalah seperti yang telah digariskan di dalam Kelulusan Pengurusan Peruntukan Infrastruktur Asas LGF Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 16 (A128)**

Setakat ini, berapakah penerima manfaat Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang diumumkan Kerajaan Persekutuan dan apakah bentuk promosi yang dilaksanakan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang kewujudan skim ini terutama di kawasan kampung.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, Melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan yang diumumkan oleh Kerajaan di dalam pembentangan Bajet 2022, sebanyak 2,775 jumlah permohonan pembiayaan berjumlah RM537.65 juta telah diluluskan oleh SJKP. (Data dari 1 Januari 2022 sehingga 30 September 2022).

Suka juga untuk saya maklumkan sejak SJKP ditubuhkan pada tahun 2008 sehingga September 2022, sebanyak 2,041 jumlah permohonan telah diluluskan oleh SJKP melibatkan hartanah di Negeri Johor melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM 223.57 juta, dan jumlah ini merupakan permohonan tertinggi jika dibandingkan dengan Negeri lain.

Manakala untuk Negeri Johor bagi tahun 2022, sebanyak 325 jumlah permohonan telah diluluskan oleh SJKP melibatkan hartanah di negeri Johor dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM55.31 juta

Antara bentuk promosi yang dilaksanakan oleh SJKP dan Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang kewujudan skim ini adalah seperti berikut:-

- Promosi bersama diantara SJKP dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah program I-Biaya
- Penglibatan SJKP di bawah program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia yang meliputi setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak
- Promosi skim melalui media massa dan eletronik serta papan iklan dari semasa ke semasa
- Kerjasama erat dengan pihak pihak berkepentingan seperti institusi kewangan, pihak pemaju, dan kerajaan negeri bagi tujuan promosi bersama dan kelulusan permohonan pembiayaan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 17 (A163)**

Mohon pihak kerajaan negeri mempercepatkan pembinaan rumah di Jalan Jeragan yang terletak di tanah milik Jabatan Veterinar Batu Pahat untuk penempatan semula penduduk Kampung Petani yang di arahkan keluar.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada perbincangan bersama Pejabat Daerah Batu Pahat dan juga Pejabat Tanah Batu Pahat, tapak tanah yang dimaksudkan adalah Lot 4199 Mukim Simpang Kanan yang mempunyai keluasan tanah kira-kira 9 ekar. Tanah ini merupakan Tanah Rizab Kerajaan Persekutuan yang dirizabkan untuk tujuan rumah penyembelihan (Abattoir) dan diselenggara oleh Pengarah Veterinar Negeri Johor.

Sebahagian daripada keluasan tanah rizab ini telah dijadikan sebagai Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Batu Pahat. Berdasarkan kepada keadaan semasa di atas tanah, mesyuarat bersama pejabat daerah dan pejabat tanah telah mencadangkan sebahagian tanah berkeluasan kira-kira 5 ekar dimajukan bagi tujuan penempatan semula penduduk kampung Petani.

Merujuk kepada maklumat awal daripada Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat, terdapat kira-kira 157 unit rumah yang telah dibina secara tidak sah di atas tanah hakmilik persendirian. Perincian terhadap profil kependudukan secara tidak sah di atas tanah persendirian ini akan dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Daerah melalui proses bancian.

Terdapat satu isu yang perlu diberi perhatian bahawa tanah yang cadangkan ini merupakan Tanah Rizab Kerajaan Persekutuan. Merujuk kepada Perkara 85 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan, tanah-tanah yang hendak diambil dan digunakan oleh Kerajaan Negeri perlulah mendapat pelepasan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, permohonan pelepasan Tanah Rizab Persekutuan ini perlu dikemukakan dan diproses oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) selaku urusetia di peringkat Kerajaan Persekutuan sebelum ianya diberi pertimbangan dan kelulusan.

Selaras dengan Perkara 85 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan juga turut menjelaskan bahawa pelepasan tanah rizab Persekutuan ini memerlukan Kerajaan Negeri untuk membuat bayaran sekiranya permohonan ini diluluskan. Bayaran yang dimaksudkan mengikut Perlembagaan Persekutuan ada;ah sebagaimana berikut;

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

- a) Nilai Pasaran Tanah
- b) Nilai Pasaran pemajuan semasa tanah itu
- c) Amaun jika ada yang telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan atau yang telah dibayar sebelum hari kemerdekaan berkenaan kos pengambilan tanah

Proses melepaskan tanah rizab persekutuan ini memerlukan proses yang panjang dan ini tidak termasuk tempoh masa yang diperlukan bagi tujuan pembinaan rumah di atasnya.

- i. Parkland Global Sdn Bhd – Taman Mutiara Gading (170 unit)
- ii. Johbase Development Sdn Bhd – Taman Putera Indah (120 unit)
- iii. BCB Berhad – Taman Bukit Perdana 2 (96 unit)

Oleh yang demikian, sebagai salah satu alternatif dicadangkan para penduduk ditawarkan rumah yang bakal disiapkan oleh pemaju di kawasan berhampiran seperti Taman Bukit Perdana 2 melalui BCB Berhad dan Taman Putera Indah oleh Johbase Development Sdn Bhd dengan harga rumah bagi kedua-dua projek ini adalah RM80,000 dan dijangka siap pada tahun 2025. Melalui kerjasama dengan pihak SJKP, BSN, Bank Rakyat dan Bank Muamalat penduduk yang berkelayakan turut mempunyai akses kepada kemudahan pembiayaan terutamanya kepada pemohon yang tidak mempunyai slip gaji dan dikategorikan sebagai pekerja ekonomi GIG.

Pentadbiran ini dimaklumkan bahawa proses banci penduduk bagi tujuan profiling terkini akan dilaksanakan oleh pentadbiran tanah daerah, berdasarkan kepada maklumat penduduk yang bakal diperolehi, pihak PKPJ boleh menyelaraskan proses penawaran kepada penduduk yang berkelayakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 18 (A43)**

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja penyelenggaraan parit dan sungai bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar serta mengurangkan risiko tebing parit runtuh.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Penyelenggaraan parit dan sungai secara berkala telah dijalankan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran berdasarkan peruntukan yang diterima sama ada peruntukan negeri & persekutuan. Bagi tahun 2022, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan kerja – kerja pembersihan parit & sungai di DUN Parit Raja dengan kos RM 1.2 Juta. Walau bagaimanapun Jabatan Pengairan & Saliran memerlukan kos RM 2.0 Juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan parit & sungai di keseluruhan DUN Pt. Raja.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 19 (A110)**

Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) biasanya dimasukkan dalam satu akaun bagi setiap keluarga. Adakah kerajaan mempunyai jalan penyelesaian sekiranya pasangan itu berpisah dan hanya sebelah pihak sahaja menerimanya?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Untuk makluman Yang Berhormat, status perkahwinan adalah tertakluk kepada status semasa tempoh permohonan BKM. Pemohon telah lulus sebagai kategori kahwin, kaedah pembayaran adalah seperti yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan iaitu kepada pemohon. Sekiranya pasangan telah berpisah dan mempunyai dokumen cerai daripada agensi Kerajaan, pasangan boleh membuat permohonan BKM dengan status perkahwinan terkini semasa tempoh permohonan BKM dibuka.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemohon dan pasangan berpisah dan tidak mempunyai pengesahan dokumen sebagai cerai, status sebagai berkahwin perlu dikekalkan dan bayaran adalah kepada pemohon.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 20 (A155)**

Menilai semula Bangunan Puspakom Parit Bakar Muar ditukar kepada kawasan yang lebih baik bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan keselamatan awam lebih terjamin.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Pusat pemeriksaan kenderaan Puspakom Cawangan Muar yang terletak di Jalan Temenggung Ahmad, Muar mula beroperasi pada tahun 1996 untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan kepada penduduk Muar dan kawasan sekitarnya berdasarkan keperluan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Pada masa ini pusat pemeriksaan ini secara puratanya menjalankan pemeriksaan sebanyak 300 kenderaan sehari berbanding kapasiti yang disediakan sebanyak 350 kenderaan sehari.

Justeru itu bagi menjawab soalan Yang Berhormat Maharani, sebagai langkah untuk mengurangkan kesesakan lalulintas disebabkan kehadiran kenderaan (terutamanya kenderaan berat) untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan, pusat pemeriksaan ini telah mewajibkan semua kenderaan yang hendak menjalankan pemeriksaan untuk membuat temujanji terlebih dahulu. Pelaksanaan pemeriksaan kenderaan melalui temujanji ini yang bertujuan untuk memastikan supaya kenderaan dapat hadir pemeriksaan secara berperingkat telah berjaya mengurangkan kesesakan di sekitar pusat pemeriksaan ini.

Hasil pemantauan pihak PUSPAKOM juga, kesesakan lalulintas yang masih berlaku pada masa-masa yang tertentu ini adalah berpunca dari sikap pemilik kenderaan yang meletak kenderaan di bahu jalan di sekitar pusat pemeriksaan tersebut sementara menunggu waktu untuk menjalankan pemeriksaan yang telah ditetapkan. Untuk mengatasi masalah ini, PUSPAKOM juga bercadang untuk memperbesarkan lagi kawasan menunggu yang sedia-ada di dalam premis PUSPAKOM membolehkan lebih ruang disediakan untuk meletak kenderaan-kenderaan tersebut sementara menunggu waktu untuk menjalankan pemeriksaan. Sebarang perkembangan berkaitan cadangan ini juga akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 21 (A11)**

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengubahsuai teknologi pembinaan dan baik pulih jalan raya di negeri Johor agar bersesuaian dengan peningkatan bilangan penggunaan jalan raya dan dapat mengurangkan kos baik pulih?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Pada masa kini Jabatan Kerja Raya melalui Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) unit Makmal Penyelidikan Jalan sedang melaksanakan pelbagai kajian inisiatif berkaitan bahan serta campuran yang boleh meningkatkan kualiti serta kebolehpayaan campuran Asphalt/Bitumen.

Disamping itu, Jabatan Kerja Raya telah mengaplikasikan beberapa teknologi pembinaan seperti CRMA (Crumb Rubber Mastic Asphalt) di FT001 daripada Desa Temu Jodoh ke Kwang Sai, Segamat, Johor, dan SFM (Super Fiber Mix) di FT017 di Lebuhraya Pasir Gudang, Johor dan dalam proses pemantauan keberkesanan program kajian. Kerajaan megharapkan agar kajian ini berkesan dan seterusnya dapat mengetahui jangkaan ketahanan dan jangka hayat teknologi ini dan agar ianya dapat mengurangkan kos penyelenggaraan bagi tempoh jangka panjang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 22 (A12)**

Apakah kerajaan mempunyai perancangan khas untuk memastikan setiap kawasan hotspot di luar bandar khususnya di DUN Pasir Raja mempunyai lampu jalan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Laluan Persekutuan di DUN PASIR RAJA yang sering menerima aduan jalan gelap adalah Jalan Kulai – Kota Tinggi (FT094), Jalan Sg.Sayong (FT093) termasuk laluan masuk ke kawasan FELDA Bukit Ramun (FT1389), FELDA Pasir Raja (FT1391) dan FELDA Bukit Besar (FT1390).

Permohonan pemasangan lampu jalan di kawasan gelap dan berisiko kemalangan (blackspot) terutamanya di kawasan persimpangan. JKR sentiasa mengenalpasti lokasi tersebut dan telah membuat permohonan kepada Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2023 dengan anggaran kos sebanyak RM500,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 23 (A67)**

Nyatakan berapakah jumlah peruntukan dibelanjakan untuk membaiki lampu jalan di dalam DUN Perling dari tahun 2013 hingga Disember 2022 dan langkah kerajaan untuk membaiki kerosakan lampu jalan raya dengan lebih efektif.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Data dari tahun 2013 sehingga 2017 tidak dapat di berikan memandangkan proses pelupusan data dibuat selepas 7 tahun dan pihak JKR juga telah menggunakan sistem yang baru.

Justeru itu, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk membaiki lampu jalan di dalam DUN Perling dari tahun 2018 hingga Disember 2022 adalah sebagaimana berikut:

Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Kaedah Perlaksanaan
2018	200,000.00	Senggara Berkala (1 Tahun)
2019	100,000.00	Sebutharga One-Off
2020	120,000.00	Sebutharga One-Off
2021	80,000.00	Sebutharga One-Off
2022	50,000.00	Sebutharga One-Off

Tambahan lagi, permohonan peruntukan senggaraan lampu jalan bagi tahun 2023 telah dimajukan kepada Cawangan Senggara Fasiliti Jalan dan peruntukan dijangka akan diterima pada sukuan pertama tahun 2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 24 (A44)**

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam mengangkat semula Projek Pembinaan High Speed Rail di Negeri Johor.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Raja, Kerajaan Negeri Johor menyambut baik sekiranya kerajaan persekutuan membuat keputusan untuk meneruskan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) bersama negara jiran, Singapura.

Menerusi projek ini, negeri Johor dan Malaysia akan menerima pelbagai manfaat serta limpahan ekonomi.

Untuk rekod, perancangan di peringkat persekutuan dan negeri telah dibuat sebelum ini, namun memandangkan kos bahan mentah meningkat, kajian jajaran dan pembinaan stesen di negeri Johor ini perlu dikaji semula bagi mengimbangi kos keseluruhan projek.

Hal ini telah diumumkan menerusi kenyataan media bertarikh 1 Jun 2020 yang menyambut baik penyambungan perbincangan projek HSR Kuala Lumpur - Singapura.

HSR adalah projek berimpak tinggi dan pro-rakyat yang pastinya akan menyumbang pembangunan kepada negeri Johor.

Terdahulu, Malaysia dan Singapura telah memeterai perjanjian dua hala untuk melaksanakan projek HSR pada 13 Disember 2016. Projek sepanjang 350 kilometer yang dijadualkan siap pada tahun 2026 itu dijangka dapat memendekkan tempoh masa perjalanan antara kedua-dua negara hanya dengan tempoh masa 90 minit.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 25 (A45)**

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri mengagihkan pelaburan RM60.9 bilion di setiap daerah terutama di Zon Tengah. Menjadikan Batu Pahat sebagai bandar satelit yang dapat membawa pelaburan lebih besar ke Negeri Johor.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Raja, Batu Pahat adalah sebahagian daripada Kawasan Zon Ekonomi Khusus Pagoh (PSEZ) yang memberi tumpuan kepada kemajuan teknologi termasuk:

- i. Revolusi Industri 4.0
- ii. Pembangunan yang mampan (*sustainable development*)
- iii. Pertumbuhan sosio ekonomi yang berdaya tahan (*resilient*)
- iv. Pengurusan dan pentadbiran kawasan pembangunan yang cekap serta efektif (*governance*) dengan matlamat untuk menarik pelaburan yang berimpak tinggi dan berkualiti buat negeri Johor.

Satu Kajian Kemungkinan (*Feasibility Studies*) bagi Zon Ekonomi Khusus Pagoh (PSEZ) yang merangkumi empat daerah termasuk Batu Pahat sedang dilaksanakan, bagi meralisasikan impian Batu Pahat sebagai bandar satelit yang dapat membawa pelaburan lebih besar ke negeri Johor.

Kajian Kemungkinan ini nantinya akan digunakan bagi menggerak halatuju kawasan PSEZ dalam memastikan kesinambungan pembangunan ekonomi di zon tengah negeri Johor terus diperkasakan.

Strategi promosi pembangunan pelaburan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada kekuatan dan kesesuaian ekosistem sesebuah tempat. Namun, pemilihan kawasan pelaburan adalah tertakluk kepada keputusan pelabur itu sendiri.

Agihan nilai pelaburan RM60.9 bilion ini dapat dirasai menerusi penyediaan peluang pekerjaan baharu sebanyak 7,421 di pelbagai sektor selain keberhasilan kesan ekonomi lain daripada nilai *supply chain* yang terhasil.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 26 (A80)**

Minta dinyatakan apakah pertimbangan utama dalam merangka Belanjawan Johor 2023 dan bagaimana rakyat Johor secara keseluruhan mendapat manfaat daripadanya.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Benut, pendekatan yang diambil dalam merangka Belanjawan Johor 2023 adalah berdasarkan agenda Maju Johor dengan menggunakan strategi sepertimana berikut:

- i. Membuat penyelarasan antara strategi serta inisiatif dengan halatuju pembangunan kerajaan negeri berdasarkan enam (6) teras Maju Johor dan Pelan Pembangunan Mampun Johor 2030.
- ii. Memperkasa *Blue Ocean Strategy* bagi mengoptimumkan kepelbagaian sumber dalam pelaksanaan projek dan program yang selaras dengan aspirasi kerajaan negeri.
- iii. Memangkin pertumbuhan ekonomi berasaskan nilai tambah pelaburan Johor.
- iv. Memfokuskan pelbagai program pembangunan berasaskan kebitaraan daerah.

Untuk makluman Dewan yang mulia, keempat-empat pendekatan dan strategi inilah yang akan memberikan kesan menyeluruh yang dipertimbangkan semasa merangka Belanjawan Johor 2023 dengan bertemakan, "Maju Johor : Makmur Bersama Rakyat".

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 27 (A125)**

Umum mengetahui bahawa negeri Johor telah mencatat jumlah pelaburan tertinggi di Malaysia setakat September 2022 iaitu sebanyak RM60.9 bilion. Sejauh manakah agihan pelaburan tersebut disalurkan kepada setiap daerah?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Penawar, jumlah pelaburan yang telah diluluskan di negeri Johor bagi tempoh Januari sehingga Jun 2022 adalah sebanyak RM60.9 bilion dengan melibatkan sebanyak 222 projek.

Secara tidak langsung, kemasukan pelaburan ini telah membuka peluang pekerjaan baharu sebanyak 7,421 yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh rakyat Johor yang berkelayakan.

Peningkatan ekonomi dapat direalisasikan melalui kemasukan pelabur-pelabur dengan mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan meningkatkan pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan.

Strategi promosi pembangunan pelaburan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada kekuatan dan kesesuaian ekosistem sesebuah tempat. Namun, pemilihan kawasan pelaburan adalah tertakluk kepada keputusan pelabur itu sendiri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 28 (A153)

Apakah persediaan kerajaan negeri bagi mendepani isu inflasi yang dijangka kekal tinggi pada tahun 2023?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Panti** di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Untuk makluman dewan yang mulia, kenaikan inflasi pada tahun ini merupakan isu global yang turut memberi kesan kepada inflasi di Malaysia termasuk negeri Johor.

Jika dahulu kita berhadapan dengan isu pandemik yang telah menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan, kini isu kenaikan harga barang akibat ketegangan di Ukraine dan gangguan rantaian perniagaan telah membelenggu kita.

Meskipun isu kenaikan harga barang dan inflasi adalah di bawah tanggungjawab di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri turut mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kesan terhadap rakyat.

Beberapa siri bantuan telah disalurkan ketika tempoh pandemik. Bantuan yang masih relevan akan diteruskan dan ditambah baik. Antaranya, Bantuan Kasih Bangsa Johor yang akan terus diperkasa dalam usaha menyalurkan bantuan secara terus kepada rakyat.

Manakala, menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Johor, kerajaan negeri yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, YB Lee Ting Han akan terus bekerjasama erat dalam mengenalpasti punca kenaikan harga barangan di pasaran. Selain itu, dialog bersama pemian industri terutama industri pembekal makanan dan peniaga turut akan diadakan.

Kerajaan negeri juga akan meningkatkan usaha dalam agenda sekuriti makanan negeri ini. Apabila dasar ini dilaksanakan ia akan dapat memastikan bekalan dan harga makanan akan terus kekal stabil supaya tidak membebankan pengguna disamping meningkatkan mutu produk sektor terbabit.

Menerusi Belanjawan Johor 2023, kerajaan negeri dan GLC akan melaksanakan beberapa inisiatif di bawah strategi tujuh (7), iaitu memperkasa industri makanan menerusi agenda teras kedua Maju Johor yang bernilai RM 12 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2022**

Antara *output* daripada inisiatif-inisiatif ini, kerajaan negeri menyasarkan peningkatan hasil pengeluaran makanan negara (SSR) dengan purata sehingga 15 peratus menjelang tahun 2023 serta terus kekal menjadi pengeluar utama hasil pertanian dan *food basket* negara. Ini akan membantu mengurangkan kebergantungan kepada bekalan makanan import, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.